

SMART PUSARA : Sistem Pengurusan Lot Kubur Inovatif Dan Patuh Syariah

Oleh:

Roslan bin Abd Ghani
Ketua Program Ukur (Pemetaan)
Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN

Abstrak:

Membina dan melengkapkan tanah perkuburan secara sistematik adalah perkara yang jarang diperkatakan. Namun, telah banyak kedengaran rungutan dari orang ramai menyentuh isu tanah perkuburan dan hal-hal yang berkaitan dengannya. Antara isu yang mendapat tempat dalam perbahasan masyarakat dalam isu kubur ini ialah isu selisih arah kiblat tanah perkuburan yang begitu ketara, isu memetakan kubur secara sistematik, isu menjadikan kubur sebagai “taman syurga di dunia” dan sebagainya. Kertas ini bertujuan untuk mengenengahkan satu kaedah agar sistem pengurusan lot kubur dapat ditambahbaik secara inovatif di samping mematuhi syariat yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Kajian ini menggunakan berbagai kaedah dan pendekatan dalam mencapai objektif yang dinyatakan. Ia termasuklah kajian terhadap manuskrip dan dokumen dalam perpustakaan, pemerhatian di lapangan, aplikasi perisian berkaitan dan analisis data. Kajian ini mendapati bahawa masih tidak terlambat untuk semua pihak sama-sama menyumbang untuk menjadikan isu berkait tanah perkuburan ini sebagai satu usaha, walaupun nampak kecil, tetapi boleh digunakan sebagai titik tolak agar syiar Islam akan nampak terserlah di mata masyarakat sama ada Muslim atau Non-Muslim. Banyak alatan yang boleh digunakan termasuk aplikasi perisian yang mudah didapati di pasaran.

PENGENALAN

Islam itu agama yang Indah dan amat bertepatan dengan sifat utama Tuhan itu adalah Yang Maha Indah. Tapi bagaimana umat Islam perlu berperanan agar agama Islam itu nampak dan kekal indah seperti yang didakwa.

Terlalu banyak aspek yang mana Islam itu dapat “diindahkan” serta nampak indah dari sekecil-kecil perkara iaitu peribadi yang memiliki akhlak yang baik umpama sekuntum bunga hinggalah kepada suasana keluarga bahagia, masyarakat yang harmoni serta keamanan Negara dari pemerintahan yang adil dan saksama.

Hasil perbincangan dengan Ustaz Hj Arifin bin Shuib, Pegawai Penyelaras Masjid pada 4 November 2013, banyak perkara berkaitan pengamalan Islam yang masih memerlukan penglibatan dari pelbagai pihak dan apabila dijuruskan kepada isu berkaitan pengurusan jenazah dan seumpamanya, pihak teknikal terutama juruukur boleh membantu. Dalam kata-kata lain, gabungan ahli syariah dengan personnel teknikal amat perlu dan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Beliau mengakui bahawa peraturan yang ada telah amat cantik dibukukan tetapi dari aspek amalan sebenar adalah masih belum sempurna. Contoh ketara dari aspek pengurusan jenazah yang masih perlu diperbaiki.

Pertemuan dan sesi ramah mesra dengan Tn. Hj. Muhammad Nor bin Mat Som, Ketua Kampong Ketoyong, Tg. Malim pada 6 November 2013 juga menghasilkan hasil yang sangat membanggakan. Bila menyentuh soal pengurusan jenazah, tidak ada satu *Standard Operating Procedures* (SOP) yang tetap yang perlu diikuti. Dia mengakui bahawa selama ini, walaupun urusan pengkebumian jenazah telah dapat dilakukan dengan sempurna tetapi sehingga ke hari ini tidak ada satu aturan yang ditulis atau SOP yang direkod secara sistematik. Semua urusan atas dasar *adhoc*, sukarela, percaya mempercayai, hormat menghormati dan pengalaman silam.

Bila diajukan persoalan sama ada perkara ini dapat diperkemaskan beliau amat bersetuju dan akan menawarkan penulis untuk menyertai mesyuarat pengurusan kampong.

Kertas ini tidak memaparkan dengan detil pendekatan ukur dan pemetaan yang boleh disumbang dalam ruang kecil aspek pengurusan tanah perkuburan ini tetapi ingin berkongsi dan memberi sedikit sebanyak pandangan dari kaca mata pengurusan am teknikal. Mungkin di ruang yang lebih besar ianya akan didetilkan.

LATARBELAKANG

Muzakarah Falak 2013 anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) pada 27 hingga 29 Ogos 2013 di Kuantan, Pahang telah mengeluarkan lima belas (15) resolusi yang mana dua (2) ada menyentuh topik ini iaitu:-

- Muzakarah bersetuju supaya **pengurusan tanah perkuburan diperkasakan** dengan menyelaraskan tanda arah kiblat yang seragam dan mewujudkan garis panduan pengurusan tanah perkuburan merangkumi penyediaan modul kursus pengurusan kubur kepada jawatankuasa pengurusan masjid dan kariah, Jawatankuasa Khairat Kematian atau jawatankuasa yang berkaitan serta penggali kubur,
- Muzakarah bersetuju supaya diwujudkan **pangkalan data** atau **rekod tanah perkuburan** termasuk maklumat mengenai nombor rujukan dan koordinat kubur merangkumi nama, gambar, masa dan tarikh kematian.

Terlalu banyak yang boleh dibantu dari bidang Ukur dan Pemetaan, antara aspek yang boleh disentuh adalah soal pengurusan tanah perkuburan Islam melingkari persoalan:-

- a. Pemetaan Lot Kubur Serta Pewujudan Pangkalan Data Kubur Lama Dan Masakini
- b. Membetulkan Kiblat Kubur Setelah Dikenalpasti Ia Tersasar Dari Kiblat Sebenar

- c. Aplikasi Kubur Bertingkat
- d. Kubur Mesra Alam
- e. Keperluan Pengorekan Dan Pemindahan Kubur Ke Tempat Baru
- f. *Standard of Procedures* (SOP) Pengurusan Jenazah Serta Borang Daftar Kematian

PEMETAAN LOT KUBUR SERTA PEWUJUDAN PANGKALAN DATA KUBUR LAMA DAN MASAKINI

1. Rasanya masih tidak terlambat untuk mewujudkan pangkalan data bagi tanah perkuburan sedia ada. Cabaran tetap ada terutama dari aspek hendak mengubah pemikiran “orang-orang lama” yang masih berfikiran *manual*. Satu kajian telah berjaya dilakukan untuk mewujudkan pangkalan data tanah perkuburan di Seksyen 21, Shah Alam menggunakan perisian Quantum GIS tetapi sehingga sekarang pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) masih belum mengimplimentkannya (Shazlin Omar, 2012).
2. Artikel *Jewish Cemeteries and Mass Graves in Europe : Protection and Preservation* telah memaparkan satu langkah tepat bagaimana tanah perkuburan telah diangkat ke satu tahap yang sangat tinggi oleh bangsa Yahudi. Ayat-ayat seperti “the right to rest in peace” telah sangat diambilkira. Walaupun tidak ada maklumat yang jelas, mungkin ada benarnya, pendapat yang menyatakan bahawa sesuatu Negara itu akan diserahkan kepada bangsa yang mempunyai maklumat lengkap berkaitan tanah kubur, baik secara fizikalnya atau kalau Negara itu musnah sama ada oleh bencana alam, peperangan dan sebagainya (Ibnor Azli, 2013)

MEMBETULKAN KIBLAT KUBUR SETELAH DIKENALPASTI IA TERSASAR DARI KIBLAT SEBENAR

1. Laporan Semakan Kiblat Tanah Perkuburan Islam Di Wilayah Persekutuan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan yang dibentangkan dalam Muzakarah Falak 2013 di Kuantan pada 27 – 29 Ogos 2013, telah menyerlahkan pesongan kiblat yang ketara di kebanyakan binaan kubur dari arah kiblat sebenar. Contohnya di Tanah Perkuburan Islam (TPI) Bukit Kiara di bawah.



Gambarfoto A :
Pesongan Arah Kiblat
Di Tanah Perkuburan
Islam (TPI) Bukit Kiara

2. Hal ini juga berlaku di:-
 - a. TPI Batu 7½, Kg. Bohol
 - b. TPI Ampang (2)
 - c. TPI Datok Keramat
 - d. TPI Alam Damai
 - e. TPI Labuan

3. Penulis tidak menemui apa-apa pendapat fuqaha dlm masalah ini. Namun begitu saya berpendapat bahawa menyusun tanah perkuburan secara sistematik ke arah satu kiblat adalah perkara yang terbaik dan terpuji. Kerana Islam adalah agama yang bersistem dan mementingkan kecantikan dan keindahan. Apa saja yang membawa kepada maksud ini, sudah pasti diperakui oleh Islam tanpa sebarang syak (Ibnor Azli, 2013).
4. Kaedah **qiyas** boleh diaplikasi adalah seperti berikut: “Wajib atas kaum muslimin menentukan kiblat ketika membina masjid dan ketika solat mereka. Tetapi kebarangkalian tersalah arah kiblat tetap ada. Selepas menentukan arah kiblat maka solat adalah sah. Jika ternyata tersalah arah kiblat selepas itu, maka **meneruskan solat pada arah kiblat yang salah akan membatalkan solat**. Berdasarkan ini, maka solat orang ramai di masjid kamu sebelum penjelasan terhadap kesalahan arah kiblat adalah **sah dan diterima** dengan izin Allah taala. Boleh jadi orang ramai tertanya-tanya selepas perubahan arah kiblat dari solat mereka terdahulu, adakah ia diterima atau sebaliknya. Maka jawapan Allah taala bagi mereka bahawasanya : Allah tidak mempersiapkan iman mereka. Lihatlah riwayat Ibnu Abbas ra, beliau berkata: “Ketika kiblat diubah, org ramai berkata, Ya Rasulullah, apa hal rakan-rakan kami yang mati sedangkan mereka itu bersolat ke arah Baitulmaqdis? Maka turunlah ayat Al Quran yang bermaksud: Tiadalah Allah itu mempersiapkan iman mereka (Al Baqarah:143)”.
5. Maknanya daripada dibiarkan kedudukan binaan kubur bersimpang siur dan tunggang langgang, bolehlah diubah kedudukan binaan yang tersasar ke arah yang sepatutnya. Mata pun sedap memandang. Barulah nampak cantiknya agama ini.

6. Usaha ini sedikit sebanyak boleh menyumbang ke arah mewujudkan persekitaran Bandar yang memberi tumpuan kepada amalan gaya hidup mesra alam untuk merealisasikan Kerangka Konsep Dan Ciri-Ciri Bandar Sejahtera Masa Depan.

APLIKASI KUBUR BERTINGKAT


1. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-92 yang bersidang pada 15 – 17 Disember 2010 telah membincangkan Hukum Pembinaan Kubur Secara Bertingkat. Muzakarah berpandangan bahawa dalam keadaan dharurat di mana berlakunya kepadatan penduduk dan lokasi tanah perkuburan yang terhad, pembinaan kubur secara bertingkat merupakan konsep dan kaedah yang tidak bertentangan dengan syarak.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa berdasarkan prinsip hukum Islam, pembinaan kubur secara bertingkat adalah harus dilaksanakan sekiranya keperluan amat mendesak bagi mengatasi kekurangan tanah perkuburan orang Islam pada hari ini.
3. Keratan akhbar Sinar Harian bertarikh 11 Ogos 2013 muka surat 21 pada tajuk “Kubur Bertingkat Jimat Tempat” telah memaparkan aplikasi kubur bertingkat di Masjid Qariah Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas, Pulau Pinang yang menghadapi masalah kekurangan tanah kubur dan mengambilkira keperluan penduduk setempat.
4. Walaupun syarak mengharuskan aplikasi kubur bertingkat, masih tidak ada satu kaedah atau pendekatan yang boleh diterimapakai secara praktikal untuk diamalkan. Di sini peranan ukur dan pemetaan adalah ditagih.

5. Rajah di **Lampiran A** adalah cadangan bagi kubur bertingkat yang baru di mana telah digali sedalam 12 kaki di mana akan ada 5 ruang kubur sedalam 10 kaki dan 2 kaki untuk tambakan tanah ditambah 1 kaki tanah bagi pembinaan batu nesan dengan maklumat si mati. Kaedah ini memerlukan penggunaan keranda di mana mayat telah awal-awal dibaringkan pada rusuk kanan menghadap kiblat. Mayat akan ditampan dengan tanah supaya kedudukan badan tidak berubah atau terlentang.
6. Dua prinsip utama dalam penggalian kubur adalah:
 - a. Bau tidak boleh keluar ke permukaan tanah, dan
 - b. Binatang tidak boleh mengganggu mayat dalam kubur (Zainuddin, 2013)

KUBUR MESRA ALAM

1. Jika dilihat halatuju “Kerangka Konsep Dan Ciri-Ciri Bandar Sejahtera Masa Depan” (rujuk **Lampiran B**) tidak dapat dinafikan bahawa “kemesraan” tanah perkuburan boleh menyumbang dari aspek Sistem Dan Persekitaran Bandar di mana kejayaan bandar sejahtera masa depan amat bergantung kepada penglibatan pelbagai pihak dan memerlukan pendekatan perkongsian pintar serta *interdisciplinary* dengan penggabungan pelbagai kepakaran serta kemahiran.
2. Umat Islam sendiri sangat skeptikal pada tanah perkuburan, walhal itulah tempat yang dia pasti akan disemadikan dan tempat yang sangat mendidik manusia untuk jadi lebih bersyukur dan lebih bersiap-siap untuk sesuatu yang pasti.
3. Untuk memeriahkan tanah perkuburan, antara cadangan yang boleh dibuat adalah:-

- a. Memasang lampu limbah
- b. Membina tugu arah kiblat yang bercahaya di waktu malam
- c. Menanam rumput golf
- d. Dipagar dengan rapi
- e. Seragamkan format batu nesan
- f. Kawalan penanaman pokok renek
- g. Lakukan aktiviti bersama masyarakat memfokus kepada memperingati kepada mereka yang sudah “pergi”
- h. Kawasan pejalan kaki
- i. Binaan daya tahan terhadap risiko bencana alam
- j. Mengurangkan filem atau drama yang memaparkan isu yang negatif tentang kubur dan yang berkaitan



Gambarajah A : Contoh monumen atau tugu arah kiblat yang dibina di tanah perkuburan, bercahaya dalam gelap dan ada *speaker* bagi alunan nasyid serta pengumuman yang bersesuaian

KEPERLUAN PENGOREKAN DAN PEMINDAHAN KUBUR KE TEMPAT BARU

1. Dari Kitab Fiqh Syafi'i Jilid I mukasurat 418, menurut dasar hukum, bahawa membongkar kuburan itu haram, kecuali kalau ada hajat yang sangat penting untuk membongkar, umpamanya mayat itu belum dimandikan atau hendak memindahkannya ke tempat lain, bila kubur yang semula itu tidak disukai oleh familinya.
2. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004 telah membincangkan Hukum Mengguna Semula Tanah Perkuburan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa adalah harus menggali semula tanah perkuburan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak atau dharurat dengan sebab-sebab tertentu yang diharuskan oleh syarak.
3. Keratan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 9 November 2013 muka surat 11 telah mempamerkan berita bertajuk "12 Mayat Masih Sempurna" di mana penemuan 12 jenazah dalam keadaan sempurna biarpun telah dikebumikan dalam tempoh 8 hingga 12 tahun semasa kerja pemindahan Tanah Perkuburan Islam Kampong Batu Badak di Segamat, Johor.
4. Ini bermakna bahawa kerja-kerja pemindahan kubur ini memang telah dalam pengetahuan dan diamalkan oleh umat Islam di Negara ini. Yang menjadi persoalannya, apakah SOP yang digunakan oleh pihak-pihak yang terlibat.

STANDARD OPERATING PROCEDURES (SOP) PENGURUSAN JENAZAH SERTA BORANG DAFTAR KEMATIAN

1. Memang tidak dinafikan bahawa proses berkaitan pengurusan jenazah, jika dilihat secara zahirnya, nampak cantik dan tersusun. Tetapi setelah mendengar pengalaman dan pengakuan dari pelbagai pihak, masih banyak ruang yang boleh dibaiki lagi.
2. Kebanyakan kariah mewujudkan badan khairat kematian tetapi terikat dengan peraturan serta undang-undang tubuh, agak rumit untuk menguruskannya dan masalah utama dari segi kutipan dari ahli kariah (Zainuddin, 2013).
3. Penulis mencadangkan dibuat Skim Khairat Kematian Takaful yang mana kutipan sumbangan takaful hanya setahun sekali walaupun untuk permulaannya, amaun perlindungan hanya akan aktif selepas tiga (3) bulan didaftarkan. Hanya dengan sumbangan takaful RM12 setahun, ahli akan mendapat amaun perlindungan RM1,000 untuk kematian biasa akibat sakit dan kemalangan.
4. SOP pengurusan jenazah adalah berbeza mengikut tempat. Di masjid-masjid di kawasan Kota Damansara, waris di mati perlu memberitahu Nazir Masjid dan dialah yang akan menghubungi personnel berkaitan:-
 - a. Tapak kubur – RM80
 - b. Tukang mandi – RM120
 - c. Kain kapan – RM150
 - d. Solat jenazah dan talqin – RM50
 - e. Van – RM50 (jika jauh, 1 km : RM1.50)
 - f. Jumlah = RM450

5. **Lampiran C** memaparkan kos yang agak tinggi di salah sebuah masjid di negeri Selangor Darul Ehsan.
6. Tabung surau berperanan mendahulukan kos yang perlu ditanggung dan akan menyerahkan baki setelah ditolak kos sebenar pengurusan jenazah tersebut kepada waris si mati.
7. Cadangan borang maklumat si mati ada ditunjukkan di **Lampiran D**.
8. Bagi tujuan pangkalan data, beberapa aplikasi boleh diambil seperti MS Access, Open Source GIS, Quantum GIS dan sebagainya.

KESIMPULAN

1. Kenyataan berani tapi ikhlas dari Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin di muka hadapan Berita Harian, 14 November 2013, membidas pihak berkuasa agama yang tidak mengambil berat keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa, sepatutnya membuka mata banyak pihak dalam memastikan pengamalan Islam dapat dicapai secara optimum dan mewujudkan keharmonian di kalangan masyarakat di Negara ini.
2. Walaupun bukan sebagai pihak berkuasa agama, hanya sebagai seorang umat Islam yang inginkan agamanya dipandang mulia, penulis telah terangsang untuk sama-sama berkongsi rasa kebimbangan ini dan rasa ingin membantu di aspek yang telah Tuhan izinkan untuk dipinjamkan sedikit ilmu teknikal.
3. Ini belum lagi menyentuh perkara-perkara besar melibatkan sensitiviti antara kaum atau agama lain. Soal perkahwinan, penentuan awal bulan hijrah, kaedah hitungan tempoh untuk penentuan status sah nasab, penentuan

masuknya fajar sadiq dan hilangnya syafaq ahmar, kesan ketinggian terhadap penentuan waktu solat dan banyak lagi aspek yang mana perbincangan antara pakar-pakar agama dan di bidang teknikal adalah amat perlu.

RUJUKAN:

1. Al Quran Karim
2. Buku Panduan Tugas : Jawatankuasa Kariah Dan Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Perak Darul Ridzuan, Terbitan Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Perak Darul Ridzuan
3. Wadah Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) Bil. 10 Edisi Pertama 2013
4. Laporan Tahunan 2010 Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak
5. Ustaz Mohd. Aziz Ramli, Kamus Al-Aziz : Arab – Inggeris – Melayu
6. Wawancara dengan Ustaz Hj. Arifin bin Shuib, Pegawai Penyelaras Masjid, Daerah Slim River, Perak dan En. Muhammad Hasbullah bin Md Yusof, Pembantu Tadbir (P/O) N17 pada 4 November 2013
7. Keratan Akhbar Sinar Harian, 11 Ogos 2013, m.s. 20, Kubur Tidak Cukup dan m.s. 21, Kubur Bertingkat Jimat Tempat
8. Resolusi Muzakarah Falak 2013 Pada 27 – 29 Ogos 2013 di MS Garden Hotel, Kuantan, Pahang
9. Wawancara dengan Hj. Muhammad Nor bin Mat Som, Ketua Kampong Ketoyong pada 6 November 2013
10. Ibnor Azli, "Hukum Penentuan Arah Kiblat Bagi Mayat Di Perkuburan", *Muzakarah Falak 2013, Kuantan (27 – 29 Ogos 2013)*
11. Louis-Leon Christians, "Jewish Cemeteries And Mass Graves In Europe : Protection And Preservation", *European and International Law*, (October 2008)
12. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, "Laporan Semakan Kiblat Tanah Perkuburan Di Wilayah Persekutuan", *Muzakarah Falak 2013 Kuantan, (27 – 29 Ogos 2013)*

13. Kamus Besar Arab – Melayu Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2006
14. Ismail Kamus, Dato', dan Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamed, "Indahnya Hidup Bersyariat : Modul Fardu Ain Diri, Keluarga dan Masyarakat Sepanjang Hayat", terbitan Telaga Biru Sdn Bhd, (Mac 2009)
15. Mohamed Saari, Keratan Akhbar Utusan Malaysia bertarikh 9 November 2013 di halaman 11 dengan tajuk "12 Mayat Masih Sempurna : Ditemui Ketika Pemindahan 150 Jenazah Ke Kubur Baharu"
16. Idris Ahmad S.H., "Fiqh Syafi'i Jilid I", Penerbitan Pustaka Antara, Cetakan Pertama 1982 di Malaysia
17. Ahmad Safuan b. Md Nayan, "Langkah-Langkah Energetik Jabatan Agama Islam Selangor Dan Masyarakat Ke Arah Penyelesaian Masalah", *Seminar Isu Perkuburan Islam : Permasalahan Semasa Dan Penyelesaiannya*, Shah Alam, (26 Julai 2011).
18. Abdul Razak Din, Keratan Akhbar Utusan Malaysia bertarikh 12 November 2013 di halaman 7 dengan tajuk "Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2013 : Ke Arah Bandar Sejahtera Masa Depan".
19. Wawancara Dengan Ustaz Zainuddin bin Haji Karman, Pengerusi Surau Madrasatul Falahiyah, Desa Melayu Subang Tambahan, Seksyen U5, Shah Alam, Selangor.
20. Shazlin bt Omar, "Pemetaan Tanah Perkuburan MBSA Dengan Aplikasi Quantum GIS", Kertas Kerja (2010)
21. Keratan Akhbar Berita Harian Bertarikh 14 November 2013 muka surat 1 dan 6
22. Wawancara dengan En. Shahrin, Ketua Biro Khairat, Kebajikan dan Keselamatan Kpg. Sg. Dara, Behrang, Tg. Malim